



**KELUARGA** angkat bergambar dengan rombongan pelajar Interim UMS di Kg Kepangian, Ranau.

## Interim UMS di Kg Kepangian beri impak pengetahuan tradisi

4B 19.12.2014 B5

Oleh HENRY BATING

RANAU: Interaksi Mahasiswa dengan masyarakat (Interim) Seksyen 5 Universiti Malaysia Sabah (UMS) di Kg Kepangian 6-7 Disember lalu mewujudkan pengetahuan timbal balik antara kalangan pelajar khususnya yang berasal dari Semenanjung dan Sarawak dengan penduduk.

Penasihat Program Nelson Justin berkata, kumpulan 39 pelajar itu telah menjadi anak angkat kepada penduduk

bertujuan menjalin keakraban di antara mereka dan saling membiasakan diri dengan cara hidup masyarakat kampung dengan keadaan di tempat asal pelajar.

“Atas pelaksanaan program itu kami amat berterima kasih kepada pengurusan Kg Kepangian yang sudi menerima kunjungan kumpulan pelajar kami,” katanya yang juga jurulatih Interim.

Kedatangan rombongan kira-kira jam 3 petang disambut



**NELSON** menyerahkan cenderahati kepada Juin.

mesra oleh Pengerusi JKKK Juin Kelingkis dan Ketua Kampung Emin Koguring yang kemudiannya memberikan taklimat ringkas sebelum pelajar diserahkan kepada keluarga angkat masing-masing.

Pada malamnya, beberapa acara dijalankan termasuk pementasan kebudayaan yang turut dihadiri penduduk kampung sementara pada keesokan harinya kalangan pelajar melaksanakan aktiviti kehidupan kampung bersama keluarga angkat selepas sesi senam robik dan sukaneka.

Nelson menjelaskan sesi motivasi turut diberikan khusus kepada pelajar-pelajar sekolah rendah kampung itu sehingga penghujung acara jam 3 petang.

“Kepelbagaian aktiviti yang dianjurkan ini sebenarnya bertujuan melahirkan keakraban ikatan kekeluargaan di antara keluarga angkat dan

mahasiswa UMS,” katanya.

Menurut beliau, program itu berjaya memberi impak kepada mahasiswa terutama sekali yang berasal dari Semenanjung Malaysia kerana berpeluang melihat lebih dekat dan merasai amalan budaya di Sabah.

Nelson berharap keterbukaan peluang yang ada itu bukan sahaja mampu dimanfaatkan kepada mahasiswa UMS tetapi turut membuka ruang kepada masyarakat di Ranau untuk mempelajari budaya dan bahasa yang diaplikasikan oleh pelajar yang berasal dari Semenanjung Malaysia.

Sementaraitu, Juin berterima kasih kepada pihak UMS kerana memilih Kg Kepangian sebagai lokasi program anak angkat dan berharap agar akan ada lebih banyak lagi program yang akan dijalankan oleh UMS di kampung itu pada masa akan datang.